

14/08/2002

IAP bincang masalah keganasan, jenayah siber

Hizral Tazzif Hisham

MESYUARAT kali keenam Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) dijangka membincangkan beberapa aspek penting membabitkan pegganas dan keganasan siber, jenayah siber, melawan kandungan maklumat yang tidak berguna, era selepas dot com, peranan syarikat teknologi maklumat untuk mengurangkan jurang digital, kelebihan negara yang menguasai maklumat dan sistem sumber terbuka.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, berkata isu dibincangkan amat relevan pada masa ini berdasarkan perkembangan penting dunia selepas tragedi 11 September, terutamanya langkah mencegah keganasan, termasuk keganasan dan jenayah siber.

"Ahli IAP akan memberikan cadangan kepada kerajaan berkaitan perkara berkenaan. Selain itu, perbincangan juga membabitkan pelbagai perkara lain yang penting terhadap perkembangan MSC," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Sebanyak 25 ahli panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) sudah mengesahkan persetujuan untuk menghadiri mesyuarat IAP kali keenam yang dijadualkan berlangsung antara 4 hingga 7 September ini di Cyberjaya. Mesyuarat itu akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagi mesyuarat IAP kali ini, sebanyak 15 ahli IAP dijangka menghadiri mesyuarat kali ini, sembilan wakil dan dua adalah pemerhati. Sebanyak tiga wakil dilantik sebagai ahli IAP iaitu Ragner Back (Ericsson), Anton Hendrik Schaaf (Siemens) dan Derek Williams (Oracle).

Antara peserta IAP yang tidak pernah ketinggalan menghadiri mesyuarat IAP ialah Dr John Gage (Sun Microsystems), Datuk Dr Stan Shih (Acer), Prof William Miller (Universiti Stanford), Tadashi Sekizawa (Fujitsu) dan Narayana Murthi (Infosys Technologies).

Beliau berkata, mesyuarat IAP kali keenam itu diadakan serentak dengan Minggu ICT Kebangsaan untuk memberi peluang kepada orang ramai dan ahli perniagaan menerokai pelbagai aplikasi ICT yang sudah dihasilkan dan dipamerkan.

"Ia dijangka menarik 400 syarikat dan organisasi kerajaan untuk mempamerkan aplikasi terkini masing-masing. Sebanyak 30,000 orang dijangka mengunjung pelbagai pameran yang dibuat serentak dengan Minggu ICT Kebangsaan," katanya.

Moggie berkata, langkah kerajaan menyediakan serentak pameran dan persidangan itu bertujuan memberi peluang kepada orang ramai untuk menyaksikan sendiri teknologi ICT dan mempelajari bagaimana ICT dapat membantu meningkatkan mutu kehidupan.